

MINYAK TAPIL CAP WANITA

Methyl salicylate/Camphor/Menthol (56% w/v/ 10% w/v/ 5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Minyak Tapil Cap Wanita?
2. Bagaimana Minyak Tapil Cap Wanita berfungsi?
3. Sebelum mengambil Minyak Tapil Cap Wanita
4. Cara menggunakan Minyak Tapil Cap Wanita
5. Semasa menggunakan Minyak Tapil Cap Wanita
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan produk
8. Maklumat lanjut produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Minyak Tapil Cap Wanita?

Minyak Tapil Cap Wanita merupakan sejenis minyak urut yang digunakan untuk melegakan sakit sendi dan otot, sakit belakang, sakit pinggang, lenguh-lenguh dan kebas-kebas.

Bagaimana Minyak Tapil Cap Wanita berfungsi?

Minyak Tapil Cap Wanita mengandungi *methyl salicylate* 56% v/v, *menthol* 5% w/v dan *camphor* 10% w/v yang dirumuskan sebagai minyak urut yang bertindak melegakan kesakitan pada badan apabila diguna secara luaran pada kuit.

Sebelum menggunakan Minyak Tapil Cap Wanita:

- *Bila anda tidak boleh gunakan produk ini?*
 - a) Jika anda mempunyai sejarah alahan yang lampau terhadap aspirin, salicylate, menthol atau camphor.
 - b) Jika anda ingin menggunakan porduk ini pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun.

- *Sebelum mula mengambil Minyak Tapil Cap Wanita.*
Sila merujuk doctor/ahli farmasi anda sebelum menggunakan produk ini jika anda sedang menghamil, menyusu anak atau juga menghadapi masalah kulit yang lain pada masa yang sama.
- *Jika mengambil ubat-ubat lain.*
Apabila Minyak Tapil Cap Wanita digunakan semasa anda mengikuti rawatan *warfarin*, penggunaan produk ini yang melampau mungkin akan meningkatkan risiko pendarahan berlaku.

Cara menggunakan Minyak Tapil Cap Wanita:

- *Berapa banyak harus digunakan?*

Sapu dan gosok Minyak Tapil Cap Wanita dengan perlahan-lahan pada bahagian badan yang sakit 2 atau 3 kali sehari.

- *Bila perlu digunakan?*
Minyak Tapil Cap Wanita harus digunakan apabila diperlukan. Ia juga boleh digunakan sebelum atau selepas senaman atau aktiviti sukan.

- *Berapa lama perlu digunakan?*
Guna apabila diperlukan atau mengikut nasihat perubatan professional.

- *Jika terlupa menggunakanannya.*
Sapukan minyak pada bahagian yang terlibat jika diperlukan dan apabila teringat semula.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa nmenggunakan Minyak Tapil Cap Wanita:

- *Perkara yang perlu dilakukan.*

Ikuti arahan penggunaan. Jaga kebersihan bahagian yang berkenaan sebelum dan selepas menggunakan produk ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan.*

Jangan menggunakan produk ini pada bahagian berdekatan mata, kulit yang cedera dan luka. Jangan gunakan produk ini pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun. Apabila merawat kanak-kanak yang lebih tua, jangan gunakan produk ini pada lubang hidung. Produk ini hanya boleh digunakan secara luaran pada kulit, ia tidak boleh dimakan sama sekali.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian.*

Sapukan sedikit ubat dalam kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang kecil pada awalnya dan semak samada ketidakselesaan atau kegatalan pada kulit dirasai sebelum menggunakanannya pada bahagian kulit yang lebih luas. Hentikan penggunaan jika iritasi kulit berlaku.

Jika kesakitan tidak dilegakan, hentikan rawatan dan dapatkan nasihat doctor/ahli farmasi.

Penggunaan produk ini di kalangan kanak-kanak harus dilakukan di bawah seliaan penjaga.

Kesan-kesan sampingan:

Seperti ubat-ubatan lain, Minyak Tapil Cap Wanita boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my /Consumers → Reporting Side

MINYAK TAPIL CAP WANITA

Methyl salicylate/Camphor/Menthol (56% w/v/ 10% w/v/ 5% w/v)

*Effects to Medicines (ConSERF) or
Vaccines (AEFI)]*

Penyimpanan dan pelupusan

Minyak Tapil Cap Wanita

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30 °C.
Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut:

- Rupa dan warna produk

Sejenis minyak cecair yang berwarna hijau tua, berangin dan berbau aromatik.

- Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif:

Methyl salicylate 56 % v/v, menthol 5% w/v dan camphor 10% w/v.

- Bahan tidak aktif:

mono azo & anthraquinone,
citronella oil, white oil.

- Nombor MAL:

MAL20013386X

Pengilang:

Sari Tani Desa Sdn. Bhd.
No. 21 & 23, Jalan Apollo U5/188,
Bandar Pinggiran Subang,
Section U5, 40140 Shah Alam,
Selangor.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Sari Tani Desa.
No. 21, Jalan Apollo U5/188,
Bandar Pinggiran Subang,
Section U5, 40140 Shah Alam,
Selangor.

Tarikh dikemaskini:

06/02/2020

Nombor siri:

NPRA(R4/1)060220/00023